

## Manfaat daripada Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan di Daerah Song, Sarawak

Benefits of Poverty Eradication Program Implementation in the District of Song, Sarawak

KWOK CHIN HOE & HARIS ABD WAHAB

### ABSTRAK

*Penyertaan komuniti adalah antara pendekatan yang telah mendapat perhatian umum khususnya dalam menjayakan program berbentuk pembangunan komuniti. Keprihatinan untuk melibatkan komuniti dalam pembangunan timbul berikutan penemuan bahawa penyertaan komuniti merupakan elemen penting dalam proses pembangunan dan merupakan kunci kejayaan kepada projek-projek pembangunan komuniti. Salah satu aspek penyertaan yang harus diberi perhatian adalah penyertaan dalam berkongsi manfaat. Sekiranya tidak wujud sebarang bentuk manfaat atau faedah yang dinikmati oleh komuniti setempat hasil daripada penyertaan dalam projek yang diadakan, maka penyertaan mereka itu tidak bermakna. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Seramai 260 orang Ketua Isi Rumah (KIR) komuniti Iban di rumah panjang telah ditemu selidik menggunakan borang soal selidik. Penemuan kajian menunjukkan hampir kesemua KIR di rumah panjang telah menerima sekurang-kurangnya satu manfaat daripada program di bawah SPKR yang dilaksanakan di tempat mereka. Walau bagaimanapun, didapati sebahagian besar daripada KIR yang telah terlibat dalam berkongsi manfaat aktiviti dan program di bawah SPKR memaklumkan bahawa mereka tidak menerima sebarang kemudahan dari segi benih tanaman atau ternakan, baja atau makanan ternakan, perkhidmatan pemasaran serta khidmat nasihat yang disediakan di bawah skim tersebut. Ramai juga bilangan KIR yang menyatakan mereka tidak menerima faedah sosial seperti menyertai aktiviti lawatan, meningkatkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran serta menyertai latihan, kursus dan bengkel yang dilaksanakan di bawah SPKR.*

*Kata kunci: Penyertaan; penyertaan komuniti; kemiskinan; pembasmian kemiskinan; komuniti Iban*

### ABSTRACT

*Community involvement is one of the approaches that have gained public attention especially in bringing success to the community development programs. The concern to involve communities in the development arises from the discovery that community involvement is an essential element in the development process and is the key to community development projects. One of the involvement aspects that should be given attention is the involvement in sharing the benefits. If there is the absence of any form of benefits or virtues that can be enjoyed by the local community, as a result of their involvement in the programs, then their involvement would be meaningless. In this regard, this study aims to identify the involvement of the Iban community in sharing the benefits from programs under the People's Welfare Development Scheme or Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). A total of 260 Heads of Households (KIR) of the Iban community from the long houses have been interviewed using structured questionnaires. Findings of the study show that almost all KIRs in the long houses have received at least one benefit from the programs implemented under SPKR at their places. However, it is found that most of the KIRs who were involved in the sharing of activities and programs under SPKR indicated that they did not receive any facility in terms of crop's seeds or livestock, fertilizers or livestock feeds, and marketing of their produce as well as advisory services provided under that scheme. A number of the KIRs stated that they did not receive social benefits from participating in activities such as excursion, knowledge-enhancing skill improvement and training, as well as courses and workshops conducted under SPKR.*

*Keywords: Involvement; community involvement; poverty; poverty eradication; Iban community*

### PENGENALAN

Kadar kemiskinan di Malaysia pada tahun 1970, 1980, 1990, 2002, 2004 dan 2007 ialah masing-masing sebanyak 49.3 peratus, 37.4 peratus, 16.5 peratus, 6.0 peratus, 5.7 peratus dan 3.6 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia

2011). Namun pada tahun 2009, kadar kemiskinan di Malaysia menunjukkan peningkatan kepada 3.8 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011). Sehubungan itu, usaha pembasmian kemiskinan terus dipergiatkan bagi mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.0 peratus pada tahun 2015 (Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011)

demi merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan. Antaranya adalah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Rancangan Pembangunan Tanah, program mikro Kredit dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR).

Sungguhpun fakta angka kemiskinan menunjukkan kadar kemiskinan di negara ini terus menurun dan semakin rendah dari tahun ke tahun, namun begitu, insiden kemiskinan tetap melanda golongan Bumiputera khususnya Bumiputera minoriti di Sarawak (Iban, Bidayuh, Melanau dan Orang Ulu) (Madeline 2003). Menurut Madeline et al. (2006), pada tahun 2002 sebanyak 36.4 peratus daripada komuniti Iban masih hidup di bawah garis kemiskinan berbanding dengan Melayu (16.5%) dan Cina (4.3%). Keadaan ini memberi isyarat bahawa perlu adanya inisiatif baharu yang dirangka dan diimplementasikan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan komuniti minoriti dan seterusnya mensejahterakan kehidupan komuniti berkenaan. Maka kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melaksanakan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR).

SPKR yang diperkenalkan pada tahun 2001 adalah antara intervensi program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani insiden kemiskinan khususnya melibatkan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, masyarakat peribumi di Sabah dan Sarawak. Terdapat sembilan program utama yang dilaksanakan di bawah SPKR iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Bangunan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) serta Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera) (KKLW 2008).

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar dana dalam belanjawan negara bagi menjayakan skim tersebut. Contohnya, sebanyak RM 90 juta telah diperuntukkan kepada SPKR melalui Bajet 2010 (Kementerian Kewangan Malaysia 2011) bagi melaksanakan program-program di bawah skim berkenaan. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan untuk melaksanakan SPKR. Namun, peserta skim tersebut didapati kurang komited untuk melibatkan diri dalam program-program yang dilaksanakan (Zazali 2004) sedangkan keberhasilan pelaksanaan sesuatu program dan projek pembangunan amat bergantung pada kerjasama serta penyertaan masyarakat setempat (Hedayat Allah 2010; Asnarulkhadi & Aref 2011; Saheb & Nobaya 2010; Hedayat Allah & Ma'rof 2009; Haslina & Regina 2009).

Berdasarkan takrifan penyertaan yang dikemukakan oleh Cohen dan Uphoff (1977) salah satu bentuk

penyertaan yang harus diberi perhatian adalah penyertaan komuniti dalam berkongsi manfaat. Sekiranya tidak wujud sebarang bentuk manfaat yang dinikmati oleh masyarakat hasil daripada penyertaan dalam projek pembangunan, maka penyertaan mereka itu tidak bermakna. Sekiranya keterlibatan masyarakat setempat tidak membawa kepada perkongsian manfaat, masyarakat setempat berkemungkinan tidak lagi akan mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang dianjurkan. Ini kerana keterlibatan itu tidak mendatangkan keuntungan kepada mereka, sebaliknya mungkin akan menyebabkan mereka menanggung kos dari segi masa, tenaga dan wang ringgit.

Selain itu, ahli komuniti juga cenderung membandingkan antara hasil manfaat yang boleh dinikmati dengan kos dari segi masa dan tenaga yang perlu ditanggung oleh mereka sebelum mengambil keputusan untuk turut serta dalam program pembangunan yang dilaksanakan. Sekiranya manfaat yang diperolehi melebihi kos yang perlu ditanggung, maka mereka akan mengambil bahagian secara sukarela dalam projek pembangunan tersebut atau sebaliknya (Awortwi 2013; Asnarulkhadi 1988). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang dilaksanakan di Daerah Song, Sarawak. Dalam konteks kajian ini, penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah SPKR telah diteliti berdasarkan penerimaan kemudahan dan faedah sosial yang disediakan di bawah skim berkenaan. Penerimaan kemudahan diukur berdasarkan kadar penerimaan bantuan kemudahan seperti benih tanaman dan ternakan, peralatan dan bahan binaan, baja dan makanan ternakan, perkhidmatan pemasaran serta khidmat nasihat yang diterima oleh komuniti Iban. Faedah sosial yang dinikmati pula diukur berdasarkan kadar penyertaan mereka dalam aktiviti lawatan, peningkatan pengetahuan, peningkatan kemahiran diri serta penyertaan dalam aktiviti latihan, kursus dan bengkel.

## PENYERTAAN KOMUNITI

Terdapat berbagai-bagai takrifan penyertaan komuniti telah diutarakan oleh para sarjana. Dalam konteks pembahagian kuasa, Arnstein (1969) mentakrifkan penyertaan sebagai pengagihan semula kuasa untuk membolehkan komuniti setempat dilibatkan dan turut mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembangunan yang bersangkutan dengan mereka. Pengagihan semula kuasa antara pihak kerajaan dan komuniti setempat dapat memastikan bahawa pihak kerajaan berkongsi kuasa dengan komuniti dalam mengatur, mengurus dan membuat keputusan perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan serta kepentingan komuniti setempat. Ini kerana komuniti setempat diandaikan lebih memahami

dan mengetahui masalah yang timbul dalam kalangan mereka dan jalan penyelesaian yang lebih sesuai untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Dengan adanya pemilikan kuasa dalam kalangan komuniti setempat, proses membuat keputusan berkaitan dengan sesuatu aktiviti atau program pembangunan juga akan menjadi lebih mudah dan cepat. Pemberian kuasa kepada komuniti juga dapat mengurangkan karenah birokrasi yang boleh melambatkan proses membuat keputusan. Walau bagaimanapun, pengagihan kuasa kepada masyarakat setempat tidak bermaksud pihak kerajaan menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pembangunan kepada ahli komuniti setempat semata-mata. Sebaliknya, agensi kerajaan masih perlu memainkan peranan dalam membimbing dan membantu mewujudkan komuniti sasar yang berdikari dalam membangunkan diri mereka. Sepanjang proses membentuk keupayaan komuniti menjadi berdikari dalam mengurus dan mentadbirkan program pembangunan, agensi kerajaan boleh bertindak sebagai penasihat dan pemudah cara kepada ahli komuniti. Agensi kerajaan memberi nasihat kepada komuniti setempat agar nasihat tersebut dapat dijadikan panduan oleh mereka sebelum sesuatu keputusan berkaitan dengan aktiviti atau program pembangunan dimuktamadkan dan dilaksanakan. Apabila ahli komuniti berkonflik sesama mereka kerana gagal mencapai kesepakatan dalam proses membuat keputusan, agensi kerajaan boleh bertindak sebagai orang tengah atau pemudah cara yang membantu mengurangkan perbezaan pendapat dan seterusnya menamatkan konflik dalam kalangan mereka.

Awortwi (2013) mentakrifkan penyertaan komuniti sebagai proses di mana orang-orang yang sepatutnya mendapat manfaat daripada projek-projek pembangunan mempengaruhi hala tuju dan pelaksanaannya dan bukannya hanya menerima bahagian manfaat. Penyertaan komuniti setempat dalam penentuan hala tuju dan pelaksanaan projek adalah penting kerana menerusi penyertaan tersebut, ia dapat mewujudkan kepercayaan dalam kalangan komuniti setempat bahawa mereka memiliki proses pembangunan yang dilaksanakan di tempat mereka. Keterlibatan komuniti setempat dalam menentukan matlamat program juga dapat meningkatkan komitmen mereka dalam pelaksanaan projek dan seterusnya menjayakan projek pembangunan yang telah dirancang serta menyumbang kepada pencapaian matlamat program yang telah disasarkan. Terdapat pelbagai langkah yang boleh diambil untuk melibatkan komuniti setempat dalam menyumbang kepada penentuan hala tuju dan pelaksanaan projek. Antaranya adalah dengan mendapatkan maklumbalas daripada penduduk lokal dengan melibatkan mereka seawal proses perancangan projek. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan interaksi dengan ahli komuniti dalam mesyuarat yang kerap kalinya diadakan bagi membuat keputusan berkaitan dengan pelaksanaan projek pembangunan. Proses interaktif ini bertujuan

menyediakan ruang bagi membolehkan komuniti setempat untuk bersuara secara langsung dalam membuat keputusan berhubung kait dengan aktiviti-aktiviti yang memberi kesan kepada kehidupan mereka (Lahiri-Dutt 2004). Ruang yang lebih luas diberikan kepada penduduk setempat untuk menyuarakan pendapat, pandangan, idea, masalah, memberi komen dan mencadangkan aktiviti atau program yang akan dilaksanakan di tempat mereka.

Ringkasan literatur oleh Haris dan Abd. Hadi (2012) ke atas Bowen (2008), Cornwall (2008), Brian dan Oscar (1975), Brokenshadan Hodge (1969) serta Edward dan Jones (1976) menjelaskan penglibatan dalam aspek pembangunan komuniti merujuk kepada kemahuan individu secara sukarela memberi komen atau cadangan dalam sesuatu forum komuniti, berkongsi pendapat dengan ahli-ahli dan mengambil berat dan bertanggungjawab terhadap kumpulan. Kesediaan komuniti setempat selaku penerima manfaat melibatkan diri dalam memberi pendapat, pandangan dan komen adalah penting kerana mereka sendiri lebih mengetahui masalah yang berlaku dalam komuniti serta keperluan utama yang menjadi prioriti masyarakat. Keterlibatan mereka dalam aktiviti tersebut juga membolehkan agensi pelaksana mendapat maklum balas daripada komuniti setempat tentang kesesuaian setiap program yang dilaksanakan. Keadaan ini membolehkan sesuatu program yang akan dilaksanakan telah dirancang berdasarkan defisit keperluan yang dialami oleh komuniti setempat bukannya sekadar memenuhi formaliti program semata-mata.

## PENERIMAAN MANFAAT

Hasil manfaat yang diterima oleh peserta daripada projek-projek pembangunan luar bandar boleh diklasifikasikan dan dianalisis dengan pelbagai cara. Menurut Cohen dan Uphoff (1977) manfaat tersebut boleh dikelaskan kepada faedah dari segi kebendaan, faedah sosial, faedah peribadi dan terhindar daripada bahaya. Faedah kebendaan meliputi wang, barangan, perkhidmatan, pembelian, pelaburan dan simpanan. Faedah sosial yang boleh dinikmati pula ialah dari segi pendidikan, perkhidmatan kesihatan, bekalan air, kemudahan pengangkutan dan perumahan yang lebih baik. Faedah peribadi pula merangkumi perkara-perkara yang bersifat subjektif dan agak sukar untuk diukur seperti harga diri, pengaruh politik dan pengiktirafan umum terhadap seseorang. Mengikut Cohen dan Uphoff (1977) harga diri datang daripada peningkatan status seseorang individu sesuai dengan kriteria kelayakan yang diguna pakai dalam kalangan masyarakat dan rakan-rakannya. Ia diukur mengikut piawaian tempatan, seperti pemilikan tanah, celik huruf, pemilikan harta benda, kebebasan daripada hutang dan lain-lain. Pengaruh politik pula bersangkutan dengan peningkatan kemampuan seseorang untuk mempengaruhi keputusan sama ada melalui proses

pilihan raya, saluran rasmi pentadbiran atau melalui rundingan dengan pegawai-pegawai yang terlibat.

#### METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian berbentuk kuantitatif ini telah dijalankan di Daerah Song, Sarawak. Sampel kajian terdiri daripada 260 orang Ketua Isi Rumah (KIR) komuniti Iban di rumah panjang yang telah pilih menerusi tiga tahap prosedur persampelan rawak mudah yang melibatkan pemilihan (i) kawasan rumah panjang, (ii) rumah panjang dan (iii) responden kajian. Sampel yang terlibat dalam soal selidik ini adalah terdiri daripada mereka yang telah menerima sekurang-kurangnya satu bantuan program di bawah SPKR. Penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah SPKR telah diteliti berdasarkan penerimaan kemudahan dan faedah sosial. Maklumat berkaitan dengan penerimaan manfaat oleh komuniti Iban telah dikumpulkan menggunakan borang soal selidik. Kajian yang berinstrumenkan soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama, penerimaan kemudahan oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah SPKR. Bahagian kedua, penerimaan faedah sosial oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah SPKR. Penerimaan kemudahan diukur berdasarkan kadar bantuan yang diterima oleh komuniti Iban seperti benih tanaman dan ternakan, peralatan dan bahan binaan, baja dan makanan ternakan, perkhidmatan pemasaran serta khidmat nasihat. Faedah sosial yang dinikmati pula diukur berdasarkan kadar penyertaan mereka dalam aktiviti lawatan, peningkatan pengetahuan, peningkatan kemahiran diri serta penyertaan dalam aktiviti latihan, kursus dan bengkel. Setiap angkuabah di atas telah diukur menggunakan skala Likert "Tiada", "Sedikit", "Sederhana" dan "Banyak". Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan pengatur cara *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 16.0. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan statistik asas (frekuensi dan peratusan) bagi semua angka ubah dalam kajian dan untuk mengenal pasti penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah SPKR. Di samping itu juga, temu bual tidak berstruktur telah dilakukan dengan beberapa orang KIR di rumah panjang yang terpilih bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berhubung dengan penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang mereka.

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengukuran komponen penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam kajian ini dilihat dari segi penerimaan kemudahan dan faedah sosial oleh responden kajian

daripada program yang dilaksanakan di bawah SPKR. Dalam kajian ini, pengkaji membuat ketetapan bahawa Ketua Isi Rumah (KIR) telah melibatkan diri dalam aktiviti berkongsi manfaat program di bawah SPKR apabila mereka telah turut serta dalam penerimaan sekurang-kurangnya satu kemudahan atau faedah sosial daripada program di bawah SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang mereka. Penemuan kajian menunjukkan hampir semua (99.6%) daripada KIR di rumah panjang telah menerima sekurang-kurangnya satu manfaat daripada program-program di bawah SPKR di tempat mereka (Jadual 1). Didapati hanya seorang (0.4%) daripada 260 orang KIR yang disoal tidak menerima sebarang manfaat dari program di bawah SPKR.

JADUAL 1. Penerimaan Manfaat Program di Bawah SPKR

Penerimaan Manfaat	Bil	%
Tidak terlibat	1	0.4
Terlibat	259	99.6
Jumlah	260	100.0

#### PENERIMAAN KEMUDAHAN

Perbincangan selanjutnya meneliti penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam setiap aktiviti berkongsi manfaat program di bawah SPKR. Perbincangan tersebut meliputi dua bentuk penerimaan manfaat iaitu penerimaan kemudahan dan penerimaan faedah sosial daripada program di bawah SPKR. Penganalisaan penerimaan manfaat program di bawah SPKR berikutnya adalah berdasarkan bilangan KIR yang telah terlibat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti berkongsi manfaat program di bawah SPKR. Penerimaan kemudahan oleh KIR yang telah terlibat dalam berkongsi manfaat daripada program di bawah SPKR dilihat daripada aspek kadar bantuan yang diterima oleh mereka seperti benih tanaman dan ternakan, peralatan dan bahan binaan, baja dan makanan ternakan, perkhidmatan pemasaran serta khidmat nasihat. Analisis bagi setiap kemudahan yang telah diterima KIR di rumah panjang diuraikan di bawah:

#### BENIH TANAMAN DAN TERNAKAN

Kemudahan benih tanaman dan ternakan disalurkan kepada penduduk rumah panjang yang layak menerusi Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (77.6%) daripada KIR yang telah terlibat dengan PPP menyatakan mereka tidak ada menerima bantuan benih tanaman atau ternakan daripada bantuan program di bawah SPKR yang dilaksanakan di tempat mereka (Jadual 2). Analisis data kajian turut menunjukkan hanya segelintir (13.5%) sahaja KIR yang memberitahu mereka ada menerima bantuan benih tanaman dan ternakan tetapi dalam kadar

sederhana. Manakala KIR selebihnya (8.9%) adalah penduduk rumah panjang yang telah menerima sedikit sahaja bantuan kemudahan tersebut. Masih ramai lagi

KIR di rumah panjang merasakan mereka tidak menerima manfaat benih tanaman dan ternakan daripada bantuan program di bawah SPKR.

JADUAL 2. Penerimaan Kemudahan Program di Bawah SPKR

Kemudahan	Penerimaan Manfaat Kemudahan							
	Tiada		Sedikit		Sederhana		Banyak	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Benih tanaman / ternakan	201	77.6	23	8.9	35	13.5	0	0.0
Peralatan / bahan binaan	12	4.6	109	42.1	138	53.3	0	0.0
Baja / makanan ternakan	214	82.6	22	8.5	23	8.9	0	0.0
Perkhidmatan pemasaran	176	68.0	67	25.9	16	6.2	0	0.0
Khidmat nasihat	159	61.4	81	31.3	19	7.3	0	0.0

#### PERALATAN DAN BAHAN BINAAN

Di bawah SPKR, peralatan dan bahan binaan banyak disediakan menerusi bantuan program seperti Program Bantuan Rumah (PBR), Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS). Keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (53.3%) daripada KIR yang telah menerima manfaat daripada aktiviti dan program di bawah SPKR mengakui mereka telah menerima manfaat dari segi peralatan dan bahan binaan dalam kadar yang sederhana daripada program-program SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang mereka (Jadual 2). Dapatan kajian turut mendapati sebanyak 42.1 peratus KIR turut menerima bantuan peralatan dan bahan binaan daripada program di bawah SPKR tetapi dalam kadar yang sedikit. Daripada keseluruhan KIR yang telah terlibat dalam menerima manfaat program di bawah SPKR, cuma 4.6 peratus sahaja penduduk rumah panjang yang ditemui menyatakan mereka tidak menerima sebarang manfaat dari segi peralatan atau bahan binaan yang disalurkan menerusi program-program di bawah SPKR.

#### BAJA DAN MAKANAN TERNAKAN

Bantuan baja dan makanan ternakan diberikan kepada peserta yang telah berjaya mengikuti Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Di bawah PPP, bantuan baja disediakan kepada mereka yang terlibat dengan projek ekonomi berasaskan aktiviti pertanian seperti menanam sayur-sayuran dan buah-buahan. Manakala makanan ternakan pula dikhususkan kepada peserta yang terlibat dengan aktiviti penternakan seperti ternakan ikan, lembu dan ayam. Berdasarkan dapatan kajian di Jadual 2, didapati sebahagian besar (82.6%) daripada KIR yang telah terlibat dalam berkongsi manfaat aktiviti dan program di bawah SPKR memaklumkan bahawa mereka tidak menerima sebarang kemudahan dari segi baja atau makanan ternakan daripada program yang dilaksanakan di bawah skim tersebut. Daripada 259 orang KIR yang telah terlibat dalam berkongsi manfaat menerusi skim tersebut, hanya 8.9 peratus KIR menerima kemudahan baja dan makanan

ternakan dalam kadar yang sederhana. Selebihnya (8.5%) adalah KIR yang menerima kemudahan tersebut dalam kadar yang sedikit sahaja.

#### PERKHIDMATAN PEMASARAN

Hasil analisis data kajian menunjukkan sebilangan besar (68.0%) daripada KIR di rumah panjang yang menerima bantuan program SPKR menyuarakan yang mereka tiada menggunakan kemudahan dari segi perkhidmatan pemasaran yang diuruskan melalui skim tersebut sepanjang program-program di bawah SPKR dilaksanakan di tempat mereka (Jadual 2). Hanya 25.9 peratus KIR menyatakan mereka ada menerima tawaran perkhidmatan pemasaran oleh agensi pelaksana program SPKR tetapi kemudahan yang dinikmati oleh mereka itu hanyalah dalam kadar yang sedikit. Selebihnya (6.3%) adalah KIR yang menerima bantuan kemudahan perkhidmatan pemasaran dalam kadar yang sederhana.

#### KHIDMAT NASIHAT

Menurut Haris (2007), khidmat nasihat daripada pakar atau orang yang berpengetahuan dalam sesuatu bidang merupakan sesuatu yang diperlukan dalam pelaksanaan projek. Penduduk di rumah panjang telah disoal kekerapan mereka menerima khidmat nasihat yang disediakan oleh agensi pelaksana program di bawah SPKR. Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan sebilangan besar (61.4%) daripada KIR yang menerima manfaat daripada program di bawah SPKR menyatakan mereka tiada menerima sebarang kemudahan khidmat nasihat selama mereka menjadi penerima program di bawah SPKR (Jadual 2). Walau bagaimanapun, sebanyak 31.3 peratus daripada KIR di rumah panjang yang ditemui dengan ikhlas mengakui bahawa mereka ada menerima bantuan dari segi khidmat nasihat tetapi dalam kadar yang sedikit sahaja. Hanya segelintir (7.3%) sahaja KIR yang ada menerima bantuan kemudahan tersebut dalam kadar yang sederhana.

#### PENERIMAAN FAEDAH SOSIAL

Faedah sosial yang dinikmati oleh KIR hasil daripada pelaksanaan program-program di bawah SPKR di kawasan rumah panjang diukur berdasarkan kadar penyertaan mereka dalam aktiviti lawatan, peningkatan pengetahuan, peningkatan kemahiran diri serta penyertaan dalam aktiviti latihan, kursus dan bengkel.

#### MENYERTAI AKTIVITI LAWATAN

Antara faedah sosial yang boleh dinikmati oleh penerima bantuan program di bawah SPKR adalah menyertai aktiviti lawatan ke tempat yang berkait dengan bantuan yang diterima oleh mereka. Aktiviti lawatan yang dianjurkan agensi pelaksana SPKR bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk melihat sendiri kejayaan penerima bantuan serta pengusaha-pengusaha projek di dalam negara. Faedah sosial bagi menyertai aktiviti lawatan sering kali melibatkan mereka yang menerima projek berkaitan dengan pertanian, industri

perkhidmatan, perniagaan dan kraf tangan. Antaranya adalah bantuan Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Merujuk pada Jadual 3, didapati sebilangan besar (64.5%) daripada KIR yang menerima manfaat daripada program-program di bawah SPKR menyatakan mereka tidak menerima faedah sosial dari segi menyertai aktiviti lawatan hasil daripada bantuan program SPKR. Bilangan yang agak ramai tidak menerima faedah dalam menyertai lawatan mungkin kerana penduduk rumah panjang yang terbabit tidak pernah mengikuti sebarang aktiviti lawatan ataupun lawatan yang dilakukan tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil (30.9%) daripada KIR menyatakan mereka ada menikmati faedah yang sedikit sahaja hasil daripada penyertaan dalam aktiviti lawatan anjuran agensi pelaksana SPKR. Selebihnya (4.6%) adalah KIR di rumah panjang yang memberitahu mereka menerima manfaat tersebut pada tahap yang sederhana sahaja.

JADUAL 3. Penerimaan Faedah Sosial Program di Bawah SPKR

Faedah Sosial	Penerimaan Faedah Sosial							
	Tiada		Sedikit		Sederhana		Banyak	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Menyertai aktiviti lawatan	167	64.5	80	30.9	12	4.6	0	0.0
Meningkatkan pengetahuan	99	38.2	68	26.3	92	35.5	0	0.0
Meningkatkan kemahiran	104	40.2	74	28.6	81	31.3	0	0.0
Menyertai latihan / kursus / bengkel	103	39.8	84	32.4	72	27.8	0	0.0

#### MENINGKATKAN PENGETAHUAN

Selain berpeluang untuk menyertai aktiviti lawatan, bantuan program di bawah SPKR turut memfokuskan usaha untuk membantu golongan penerima bantuan meningkatkan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang. Antara program-program yang dapat membantu meningkatkan pengetahuan penerima bantuan di bawah SPKR adalah seperti aktiviti tuisyen dan kursus motivasi untuk pelajar Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) serta kursus berkait dengan pengetahuan asas tentang komputer. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan masih ramai (38.2%) daripada KIR yang telah menerima manfaat daripada program di bawah SPKR menyatakan mereka tiada menerima faedah dari segi peningkatan pengetahuan hasil daripada penyertaan mereka dalam program-program yang dilaksanakan di bawah SPKR (Jadual 3). Hanya sebilangan kecil (35.5%) daripada mereka yang telah disoal memberitahu ada menerima faedah yang sederhana dari segi peningkatan aspek pengetahuan. Manakala sebanyak 26.3 peratus KIR turut mengakui yang mereka ada menikmati faedah tersebut tetapi dalam kadar yang sedikit sahaja. Penduduk

rumah panjang yang tidak menerima manfaat dari segi peningkatan pengetahuan daripada aktiviti-aktiviti di bawah skim ini mungkin disebabkan mereka tidak pernah menghadiri diri atau mereka tidak mempunyai anak untuk mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh agensi pelaksana SPKR.

#### MENINGKATKAN KEMAHIRAN

Terdapat dua program utama di bawah SPKR yang memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti meningkatkan kemahiran penerima bantuan yang terpilih untuk terlibat dalam program tersebut. Dua program tersebut adalah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Di bawah PPP, penerima bantuan diberi latihan bagi meningkatkan kemahiran dari segi menjahit, kaedah bercucuk tanam dan menternak ikan air tawar. Manakala di bawah PLKK, penerima bantuan berpeluang meningkatkan kemahiran dengan mempelajari teknik-teknik membaiki pulih komputer. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan agak ramai (40.2%) daripada KIR yang telah terlibat dalam berkongsi manfaat program-program di bawah SPKR memaklumkan mereka tiada menerima

faedah dari segi meningkatkan kemahiran diri menerusi bantuan-bantuan yang disediakan di bawah SPKR (Jadual 3). Hanya sebilangan kecil (31.3%) daripada KIR di rumah panjang yang yakin mereka ada menerima faedah yang sederhana sahaja dari segi meningkatkan keupayaan dan kemahiran diri hasil daripada penyertaan mereka dalam aktiviti dan program di bawah SPKR. Manakala KIR selebihnya (28.6%) adalah penduduk rumah panjang yang menyatakan mereka hanya menerima faedah yang sedikit sahaja sepanjang menyertai program-program di bawah SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang mereka.

#### MENYERTAI LATIHAN, KURSUS DAN BENGKEL

Aktiviti berkongsi manfaat daripada program seperti menyertai latihan dan kursus turut memberi kesan ke atas penyertaan kumpulan sasar yang terlibat dalam menerima bantuan tersebut. Kishor (1990) yang menjalankan kajian berkaitan dengan aktiviti perhutanan masyarakat di Nepal mendapati bahawa ahli-ahli yang kerap menghadiri kursus menunjukkan penyertaan yang tinggi dalam aktiviti perhutanan masyarakat. Dalam konteks program di bawah SPKR, terdapat pelbagai aktiviti berbentuk latihan, kursus dan bengkel ditawarkan kepada penduduk rumah panjang yang terpilih. Antaranya adalah seperti latihan jahitan, kursus membaiki pulih komputer dan bengkel keusahawanan. Bagi tujuan kajian ini, KIR telah ditanya tentang kekerapan mereka menerima dan menikmati faedah menyertai latihan, kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh agensi pelaksana. Penemuan kajian menunjukkan agak ramai daripada KIR yang telah terlibat dalam berkongsi manfaat daripada program di bawah SPKR telah turut serta dalam menikmati faedah sosial dari segi menyertai latihan, kursus dan bengkel sama ada penerimaan faedah tersebut dalam kadar sedikit (32.4%) atau sederhana (27.8%) hasil daripada penyertaan mereka dalam program-program di bawah SPKR (Jadual 3). Namun begitu, masih ramai (39.8%) dalam kalangan KIR di rumah panjang turut menyuarakan yang mereka tidak pernah menerima sebarang tawaran menyertai latihan, kursus dan bengkel sepanjang program di bawah SPKR dilaksanakan di rumah panjang mereka. Mereka yang tidak mendapat manfaat dari segi menyertai latihan, kursus dan bengkel di bawah skim ini mungkin disebabkan tidak mempunyai anak ataupun mereka yang mempunyai anak tetapi tidak memenuhi syarat kelayakan untuk mengikuti aktiviti yang dianjurkan.

#### KESIMPULAN

Manfaat yang dinikmati oleh komuniti setempat sama ada manfaat tersebut berbentuk faedah sosial, kemudahan atau peralatan adalah diyakini menjadi pendorong utama yang dapat memotivasikan serta meningkatkan keinginan komuniti setempat untuk mengambil bahagian dalam

program yang diadakan. Kajian ini menghujahkan bahawa semakin tinggi manfaat program yang boleh dinikmati oleh komuniti setempat maka semakin tinggi kesediaan mereka untuk melibatkan diri dalam pelaksanaan program tersebut atau sebaliknya. Secara keseluruhannya, penemuan kajian ini mendapati sebahagian besar daripada KIR yang telah terlibat dalam berkongsi manfaat aktiviti dan program di bawah SPKR memaklumkan bahawa mereka tidak menerima sebarang kemudahan dari segi benih tanaman atau ternakan, baja atau makanan ternakan, perkhidmatan pemasaran serta khidmat nasihat yang disediakan di bawah skim tersebut. Ramai juga bilangan KIR yang menyatakan mereka tidak menerima faedah sosial dari segi menyertai aktiviti lawatan, meningkatkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran serta menyertai latihan, kursus dan bengkel yang dilaksanakan di bawah SPKR.

Penemuan kajian ini memberi implikasi bahawa penerimaan manfaat oleh komuniti Iban dalam pelaksanaan program di bawah SPKR perlu ditingkatkan dengan menyalurkan bantuan atau program yang bercirikan latihan dan kemahiran yang dapat dipraktikkan oleh ahli komuniti dalam membantu meningkatkan keupayaan mereka dalam mengurus, mentadbir dan membangunkan komuniti mereka. Ini dapat memastikan lebih ramai komuniti Iban di rumah panjang berpeluang untuk menikmati manfaat-manfaat yang disediakan menerusi program di bawah skim berkenaan. Peningkatan manfaat yang dinikmati ini seterusnya dapat meningkatkan sokongan, kerjasama dan penyertaan komuniti Iban dalam menjayakan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di peringkat rumah panjang. Ini seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup mereka secara menyeluruh.

#### RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2007. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampau 2020*. Bangi: Institut Kajian dan Antarabangsa.
- Arnstein, S. 1969. A ladder of citizen participation. *Journal of the American Institute of Planners* 35(4): 216-224.
- Asnarulkhadi Abu Samah. 1988. KEMAS, pembangunan komuniti dan kemiskinan: Satu kajian kes di Daerah Jasin, Melaka. Disertasi Ijazah Sarjana Falsafah, Universiti Malaya.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Aref, F. 2011. The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and involvement in processes of community development in Malaysia. *Journal of American Science* 7(2): 186-195.
- Awortwi, N. 2013. The riddle of community development: Factors influencing involvement and management in twenty-nine African and Latin American community. *Community Development Journal* 48(1): 89-104.
- Bowen, G. A. 2008. An analysis of citizen involvement in anti-poverty programmes. *Community Development Journal* 43(1): 65-78.

- Brian, F. B. & Oscar, H. 1975-1976. Helping committee members become more active. *Journal of Extension* 14(1): 16-22.
- Brokensha, D. & Hodge, P. 1969. *Community Development: An Interpretation*. California: Chandler Publishing.
- Cohen, J. & Uphoff, N. T. 1977. *Rural Development Involvement: Concepts and Measures for Project Design, Implementation and Evaluation*. New York: Cornell University Ithaca.
- Cornwall, A. 2008. Unpacking involvement: model, meaning and practices. *Community Development Journal* 43(3): 269-283.
- Edward, A. D. & Jones, D. G. 1976. *Community and Community Development*. The Hague: Mouton.
- Haris Abd. Wahab. 2007. *Penyertaan Masyarakat Tani dalam Pembangunan Komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haris Abd. Wahab & Abd. Hadi Zakaria. 2012. *Penilaian Keperluan dalam Pembangunan Komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haslina Hashim & Regina Garai Abdullah. 2009. Penyertaan komuniti dalam program pembangunan luar bandar: Kajian kes di Pusat Pembangunan Desa Gedong, Sarawak. *Akademika* 77(1): 41-67
- Hedayat Allah Nikkhah & Ma'rof Redzuan. 2009. Involvement as a medium of empowerment in community development. *European Journal of Social Sciences* 11(1): 170-176.
- Hedayat Allah Nikkhah. 2010. Women empowerment through non-governmental organization's programs in Shiraz, Iran. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2013. Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2011. [http://www.statistics.gov.my/portal/download\\_Buku\\_Tahunan/files/BKKP/2011/Buku\\_Tahunan\\_Perangkaan\\_Malaysia\\_2011\[Laporan\\_Lengkap\].pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/download_Buku_Tahunan/files/BKKP/2011/Buku_Tahunan_Perangkaan_Malaysia_2011[Laporan_Lengkap].pdf). Tarikh capaian: 20 Ogos 2013.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2011. Laporan Ekonomi: Bab 1 Pengurusan dan Prospek Ekonomi. <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1112/bab1>. [Laporan Lengkap] pdf. Tarikh capaian: 20 Ogos 2013.
- Kishor, P. G. 1990. Involvement of forest user's committee forestry activities in the Midhills of Nepal. Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Lahiri-Dutt, K. 2004. I plan, you participate: A southern view of community involvement in urban Australia. *Community Development Journal* 39(1): 13-28.
- Madeline, B. 2003. Toward National Vision Policy: Review of NEP and NDP among the Bumiputera Communities in Sarawak. Kertas kerja dibentangkan di Seminar on the Bumiputera Policy: Dynamics and Dilemma, anjuran Universiti Sains Malaysia, 23-25 September 2003, Pulau Pinang.
- Madeline, B., Faridah Shahadan & Salfarina Abdul Gapor. 2006. Alleviating Bumiputera poverty in Sarawak: Reflections and proposal. Kertas kerja dibentangkan di The Malaysian Research Conference, 4th International Conference, 19-21 Jun 2006, Salford, England.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10). 2011. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Saheb, B. Z. & Nobaya Ahmad. 2010. Involvement and community development. *Current Research Journal of Social Sciences* 2(1): 13-14.
- Zazali Salehudin. 2004. Dasar, strategi dan pelaksanaan kemiskinan daripada perspektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Dlm. *Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar*, disunting oleh Mohamad Khairudin Mohamad dan Ahmad Syahir Sarani. Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Kwok Chin Hoe (corresponding author)  
Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur, Malaysia  
E-mail: kwokchinhoe@yahoo.com
- Haris Abd Wahab  
Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur, Malaysia  
E-mail: haris@um.edu.my

Received: 11 June 2013  
Accepted: 22 August 2013